



FAEDAH PERSARAAN ANGGOTA ATM (ANGKATAN TETAP)





FAEDAH PERSARAAN ANGGOTA ATM (Angkatan Tetap)

Markas Angkatan Tentera Malaysia
Bahagian Perkhidmatan Anggota
Jabatan Arah Rekod dan Pencen
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20712390

Semua hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dari buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperbaiki atau disiarkan dalam mana-mana bentuk atau mana-mana alat elektronik, mekanikal, fotokopi perakam atau sebaliknya tanpa keizinan dari Jabatan Arah Rekod dan Pencen, Markas ATM. Buku ini juga tidak mempunyai kesan perundangan atas kekhilafan maklumat.

1 April 2017 – Kuala Lumpur (Cetakan Keempat)



Buku Faedah Persaraan Anggota ATM ini diterbitkan untuk memberi maklumat kepada pegawai dan askar lasykar di dalam Angkatan Tetap ATM mengenai faedah-faedah persaraan yang terdapat di dalam skim perkhidmatan ATM. Maklumat ini diharap dapat membantu anggota memahami serta mengetahui faedah yang boleh dibayar kepada mereka apabila menamatkan perkhidmatan atau bersara, dan faedah hilangupaya jika mempunyai kecederaan yang diperkaitkan dengan tugas semasa di dalam perkhidmatan serta faedah kematian kepada orang tanggungan jika meninggal dunia semasa di dalam perkhidmatan.

Buku ini juga bertujuan untuk memberi keyakinan kepada anggota ATM serta orang tanggungan mereka bahawa segala pengorbanan mereka adalah terpelihara dan tidak sia-sia. Apa jua yang berlaku kepada anggota ATM akan mendapat pampasan yang sewajarnya. Semoga dengan pengetahuan dan penerangan yang diberikan ini akan melahirkan pegawai dan anggota yang komited dan berani di dalam menjalankan tugas sebagai seorang anggota tentera yang berdedikasi dan mantap.

Buku ini diterbitkan hanya sebagai maklumat umum sahaja. Segala pengiraan faedah yang layak hanya akan ditentukan secara muktamad setelah selesai segala urusan dokumentasi tamat perkhidmatan/persaraan di JRP. Sekiranya terdapat sebarang masalah, sila berhubung terus dengan Jabatan Arah Rekod dan Pencen.

“ BERBAKTI “

PENGARAH REKOD DAN PENCEN



HURUF SINGKATAN

ARB	- Amanah Raya Berhad
ARKTUJA	- Arahan Ketua Turus Jawatan Anggota
ATM	- Angkatan Tentera Malaysia
BAT	- Borang Angkatan Tentera
BPK	- Bahagian Perkhidmatan Kesihatan
DTAPPN	- Derma Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara
ELS	- Elaun Layanan Sentiasa
EXB	- Ex-Gratia Bulanan
EXOT	- Ex-Gratia Orang Tanggungan
EXP	- Ex-Gratia Pukal
FGCR	- Faedah Gantian Cuti Rehat
HU	- Hilangupaya
JHEV	- Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM
JPN	- Jabatan Pendaftaran Negara
JRP	- Jabatan Arah Rekod dan Pencen
JUSA	- Jawatan Utama Sektor Awam
KEMENTAH	- Kementerian Pertahanan
LLP	- Lain-lain Pangkat
LPS	- Lembaga Penentuan Sebab
LTAT	- Lembaga Tabung Angkatan Tentera
PMAT	- Perintah Majlis Angkatan Tentera
PPAT	- Pusat Perubatan Angkatan Tentera
PPAT 82	- Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982
RSAT	- Rumah Sakit Angkatan Tentera
SPB1	- Skim Pembayaran Pencen Melalui Bank
THTC	- Tidak Hadir Tanpa Cuti
TJP	- Tauliah Jangka Pendek
TTP	- Tamat Tempoh Perkhidmatan



Prakata	ii
Huruf Singkatan	iii
FAEDAH PERSARAAN	
Apakah itu Faedah Persaraan	2
Status Faedah Persaraan	2
Umur Persaraan	3
PENCEN DAN GANJARAN PERKHIDMATAN	
Pencen dan Ganjaran Perkhidmatan	5
Faedah-Faedah Lain	7
Tanggungjawab Dokumentasi Pemberhentian Oleh Anggota	9
Tanggungjawab Dokumentasi Pemberhentian Oleh Pasukan	10
FAEDAH HILANGUPAYA	
Apa itu Faedah Hilangupaya	13
Jenis-Jenis Faedah Hilangupaya	13
Faedah Hilangupaya di bawah PPAT 82	14
Faedah DTAPPN	14
Faedah Ex-Gratia Bencana Kerja PMAT 9/2008	15



KANDUNGAN

Muka surat

Elaun Masa Rawatan	16
Tindakan Sekiranya Berlaku Kecederaan	17

FAEDAH KEMATIAN

Apakah itu Faedah Kematian	19
Siapakah Orang Tanggungan	19
Kategori Kematian	19
Kematian Yang Diperkaitkan Dengan Tugas	20
Kematian Yang Tidak Diperkaitkan Dengan Tugas	21
Tidak Layak Mendapat Faedah Kematian	22
Tanggungjawab Pasukan Dalam Urusan Dokumentasi Kematian (Dalam Perkhidmatan)	22
Kelayakan Pencen Terbitan	24
Pemberhentian Bayaran Pencen Terbitan Dan Pencen Orang Tanggungan	24

ELAUN PELAJARAN

Syarat-syarat Kelayakan	26
Kadar Elaun Pelajaran	26



The background is a collage of various military and defense-related images. On the left, there's a large red and white flag. In the center, a tank is visible. To the right, there's a large aircraft carrier. At the bottom, a crowd of people, some in military uniforms, is shown. The overall theme is military and defense.

FAEDAH PERSARAAN



APAKAH ITU FAEDAH PERSARAAN

1. Faedah persaraan adalah faedah-faedah yang dibayar oleh kerajaan kepada anggota ATM apabila berlaku perkara-perkara berikut :
 - a. Menamatkan perkhidmatan atau bersara dari perkhidmatan.
 - b. Mendapat Kecederaan yang diperkaitkan dengan tugas semasa di dalam perkhidmatan.
 - c. Meninggal Dunia semasa di dalam perkhidmatan – dibayar kepada orang tanggungan.
2. Pemberian faedah ini adalah berdasarkan kepada **Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982** dan **PMAT** yang berkaitan.

STATUS FAEDAH PERSARAAN

1. Bukanlah satu hak mutlak.
2. Tidak boleh diserahkan hak kecuali untuk menyelesaikan hutang kerajaan atau di atas perintah mahkamah (tuntutan nafkah).
3. Boleh terhenti apabila anggota dihukum penjara.
4. Boleh dikurangkan atau terhenti jika didapati menyembunyikan fakta.



UMUR PERSARAAN

1. Umur persaraan paksa bagi pegawai Tauliah Tetap seperti berikut:

a. Senarai Tugas Am/Khas.

Bil	Pangkat	Lelaki	Perempuan
1.	Kolonel dan ke atas setaraf	60	60
2.	Leftenan Kolonel setaraf	57	57
3.	Mejar setaraf	55	55
4.	Kapten setaraf	52	52
5.	Leftenan dan ke bawah setaraf	50	50

b. Senarai Tugas Ikhtisas.

Pangkat	Lelaki	Perempuan
Semua Pangkat	60	60

2. Umur persaraan pilihan bagi pegawai Tauliah Tetap seperti berikut:

a. Senarai Tugas Am/Khas.

Bil	Pangkat	Lelaki	Perempuan
1.	Kolonel dan ke atas setaraf	50	45
2.	Leftenan Kolonel setaraf	47	45
3.	Mejar setaraf	45	45
4.	Kapten dan ke bawah setaraf	40	40

b. Senarai Tugas Ikhtisas.

Pangkat	Lelaki	Perempuan
Semua Pangkat	50	45

3. Bagi pegawai TJP dan anggota LLP, tarikh bersara/tamat perkhidmatan adalah berdasarkan kepada tarikh TTP masing-masing.





**PENCEN DAN
GANJARAN
PERKHIDMATAN**



1. Pencen dan Ganjaran Perkhidmatan hanya dibayar kepada **Pegawai Tauliah Tetap** yang telah mencapai umur persaraan pilihan atau umur persaraan paksa; atau mempunyai perkhidmatan yang diakui 20 tahun dan ke atas (tertakluk kepada kelulusan MAT). Formula perkiraan seperti berikut :

a. Pencen Perkhidmatan.

$$1 / 600 \times \frac{\text{jumlah bulan genap perkhidmatan diakui}}{\text{perkhidmatan diakui}} \times \frac{\text{gaji akhir}}{\text{pangkat sebenar}}$$

(Tertakluk kepada maksimum 3/5 daripada Gaji Akhir)

b. Ganjaran Perkhidmatan.

$$7.5 \% \times \frac{\text{jumlah bulan genap perkhidmatan diakui}}{\text{perkhidmatan diakui}} \times \frac{\text{gaji akhir}}{\text{pangkat sebenar}}$$

2. **Pegawai TJP** juga layak dibayar Pencen dan Ganjaran Perkhidmatan jika bersara pada umur persaraan paksa pegawai Tauliah Tetap. Formula perkiraan seperti berikut :

a. Pencen Perkhidmatan.

$$\frac{3}{4} \times 1/600 \times \frac{\text{jumlah bulan genap perkhidmatan diakui}}{\text{perkhidmatan diakui}} \times \frac{\text{gaji akhir}}{\text{pangkat sebenar}}$$

(Tertakluk kepada maksimum $\frac{3}{4}$ daripada $\frac{3}{5}$ daripada Gaji Akhir)

b. Ganjaran Perkhidmatan.

$$\frac{3}{4} \times 7.5\% \times \frac{\text{jumlah bulan genap perkhidmatan diakui}}{\text{perkhidmatan diakui}} \times \frac{\text{gaji akhir}}{\text{pangkat sebenar}}$$

3. Bagi **askar-lasykar** untuk mendapatkan Pencen dan Ganjaran Perkhidmatan mestilah mempunyai perkhidmatan yang diakui sekurang-kurangnya 21 tahun. Formula perkiraan seperti berikut :



a. Pencen Perkhidmatan.

$$1 / 504 \times \frac{\text{jumlah bulan genap perkhidmatan diakui}}{\text{gaji akhir pangkat sebenar}} \times$$

(Tertakluk kepada maksimum 3/5 daripada Gaji Akhir)

b. Ganjaran Perkhidmatan.

$$7.5 \% \times \frac{\text{jumlah bulan genap perkhidmatan diakui}}{\text{gaji akhir pangkat sebenar}} \times$$

4. Bagi mereka yang **berhenti atas alasan perubatan**, iaitu apabila disahkan oleh Lembaga Perubatan sebagai “Unfit”, juga layak dibayar Pencen dan Ganjaran Perkhidmatan mengikut formula perkiraan yang bersesuaian di perenggan 1, 2 dan 3 tetapi tidak kurang daripada 1/5 daripada gaji akhir (pegawai Tauliah Tetap dan askar-lasykar) atau 3/4 daripada 1/5 daripada gaji akhir (pegawai TJP)

5. **Pegawai Tauliah Tetap** yang bersara dan mempunyai perkhidmatan yang diakui kurang daripada 20 tahun boleh dibayar **Ganjaran Tamat Perkhidmatan** (tertakluk kepada kelulusan MAT). Formula perkiraan seperti berikut :

a. Jika mempunyai jumlah perkhidmatan diakui lebih daripada 15 tahun.

$$20 \% \times \frac{\text{jumlah bulan genap perkhidmatan diakui}}{\text{gaji akhir pangkat sebenar}} \times$$

b. Jika mempunyai jumlah perkhidmatan diakui 15 tahun dan ke bawah.

$$17.5 \% \times \frac{\text{jumlah bulan genap perkhidmatan diakui}}{\text{gaji akhir pangkat sebenar}} \times$$

6. **Pegawai TJP** yang menamatkan perkhidmatan mengikut tarikh TTP boleh dibayar **Ganjaran Tamat Perkhidmatan** berdasarkan formula berikut :

$$17.5 \% \times \frac{\text{jumlah bulan genap perkhidmatan diakui}}{\text{gaji akhir pangkat sebenar}} \times$$



1. Faedah Gantian Cuti Rehat.

a. FGCR dibayar kepada pegawai dan anggota LLP yang tamat tempoh perkhidmatan; atau kepada orang tanggungan jika anggota meninggal dunia dalam perkhidmatan. Ia adalah merupakan faedah dalam bentuk wang yang dibayar bagi menggantikan cuti rehat tahunan yang tidak dapat dihabiskan atas kepentingan perkhidmatan. Ianya tertakluk kepada maksimum kelayakan 150 hari.

b. Formula perkiraan seperti berikut :

$$1 / 30 \times \frac{\text{jumlah hari}}{\text{yang layak}} \times (\text{gaji akhir pangkat sebenar} + \text{imbuhan tetap}^*)$$

Nota :

** Meliputi Elaun Tetap Khidmat/Keraian dan Elaun Tetap Perumahan. Bagi Mej Jen dan ke atas termasuk Elaun JUSA.*

2. Caruman LTAT.

a. Ini merupakan caruman wajib bagi anggota LLP sahaja di mana potongan 10% daripada gaji hakikinya dibayar kepada LTAT. Kerajaan pula akan mencarum sebanyak 15% daripada gaji hakiki ke dalam akaun anggota. Setiap tahun LTAT akan membayar dividen kepada caruman tersebut.

b. Bagi anggota LLP yang berpencen, mereka akan hanya dibayar carumannya sendiri bersama dividen yang diisytihar setiap tahun. Sementara bagi anggota LLP yang tidak berpencen, mereka akan dibayar caruman sendiri bersama dengan caruman kerajaan serta dividen yang diisytihar setiap tahun.



c. Bagi Pegawai, mereka boleh mencarum secara sukarela. Minimum caruman adalah sebanyak RM25.00 dan maksimum RM2,000.00 sebulan. Caruman ini dibayar bersama dividen yang diisytihar setiap tahun apabila berhenti mencarum.

3. **Latihan Peralihan.** Merupakan satu faedah yang hanya diberikan kepada anggota ATM sebelum menamatkan perkhidmatan. Ianya bertujuan untuk memberi latihan kemahiran sebagai persediaan awal sebelum beralih ke bidang awam. Tempoh latihan peralihan seperti berikut :

a. **Pegawai** – bagi Mejar dan ke atas layak selama 3 bulan, manakala Kapten dan ke bawah layak 6 bulan.

b. **Anggota LLP** – tempoh latihan peralihan adalah selama 6 bulan sahaja. Syarat kelayakan adalah berdasarkan PMAT 5/2005 – Latihan Peralihan Angkatan Tentera Malaysia.

4. **Rawatan Perubatan.** Anggota ATM yang menamatkan perkhidmatan/ bersara layak menerima rawatan perubatan percuma di hospital kerajaan atau tentera. Kelayakan wad bergantung kepada pangkat semasa di dalam perkhidmatan.

5. **Tuntutan Pindah.** Anggota boleh membuat tuntutan pindah yang terakhir dari tempat bertugas yang akhir ke kampung halaman.



TANGGUNGJAWAB DOKUMENTASI TAMAT PERKHIDMATAN OLEH ANGGOTA

1. Memohon untuk mengikuti Latihan Peralihan.
2. Membuat pemeriksaan kesihatan di RSAT dengan membawa BAT D 70 - Bertukar Ke Pasukan Simpanan dan BAT B 83 - Pemberhentian Askar Laskar.
3. Menyediakan gambar berukuran pasport.
4. Membuat Kad Pengenalan Awam di JPN dengan membawa Surat Pengesahan Persaraan Anggota Tentera (Lampiran 1 kepada Kembaran D - ARKTUJA No.3).
5. Menyediakan dokumen persendirian berikut:
 - a. Salinan Sijil Perakuan Nikah.
 - b. Salinan Kad Pengenalan isteri.
 - c. Salinan Kad Pengenalan/Surat Beranak anak.
 - d. Salinan buku akaun bank/penyata akaun bank.
6. Melengkapkan Sijil Penyelesaian Pasukan.
7. Mengisi dan mendapatkan pengesahan pihak bank Borang Penyertaan Sistem Pembayaran Pencen Melalui Bank .
8. Menyelesaikan segala urusan **Cukai Pendapatan** dengan pihak **Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)** secara persendirian bagi memastikan **Sijil Penyelesaian Cukai (SPC)** dapat dikeluarkan sebelum menamatkan perkhidmatan/ bersara. Ini bertujuan supaya kelewatan pembayaran faedah persaraan/ caruman LTAT tidak berlaku.



TANGGUNGJAWAB DOKUMENTASI PEMBERHENTIAN OLEH PASUKAN

1. Pasukan hendaklah memaklumkan pemberhentian kepada anggota yang akan menamatkan perkhidmatan.
2. Pasukan dikehendaki mengambil tindakan perkara-perkara berikut:
 - a. Menyerahkan Surat Pengesahan Persaraan Anggota Tentera (Lampiran 1 Kepada Kembaran D ARKTUJA No 3) kepada anggota untuk membuat Kad Pengenalan Awam di JPN.
 - b. Menyediakan BAT D 70 - Bertukar Ke Pasukan Simpanan dan BAT B 83 - Pemberhentian Askar Laskar.
 - c. Membuat temujanji pemeriksaan kesihatan bagi anggota.
 - d. Memastikan anggota membuat Sijil Penyelesaian Hutang Piutang di pasukan.
 - e. Melengkapkan BAT D 191 - Buku Cuti anggota.
 - f. Menentukan anggota menyediakan perkara-perkara berikut:
 - (1) Gambar berukuran pasport.
 - (2) Salinan Sijil Perakuan Nikah, Kad Pengenalan isteri dan Kad Pengenalan/Surat Beranak anak-anak serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan.



- (3) Melengkapkan borang SPB1/ BP.BQ.Q3
- (4) Salinan buku akaun bank/penyata akaun bank.

3. Pasukan hendaklah menentukan semua perkara di atas disediakan dengan lengkap dan dilaksanakan oleh anggota. Semua dokumen tersebut hendaklah dihantar ke JRP bersama dokumen peribadi anggota selewat-lewatnya 12 bulan sebelum tarikh TTP.



The background is a collage of military-themed images. On the left, a large red and white flag is partially visible. In the upper left, a paratrooper is shown in mid-air against a red background. To the right, a tank is depicted with a figure on top. Below the tank, a large grey cylindrical object, possibly a missile or a piece of equipment, is shown. In the lower left, a white ship with the number '173' on its side is visible. At the bottom, a group of soldiers in uniform is shown, some holding rifles. The overall scene is set against a light blue background.

FAEDAH HILANGUPAYA



APAKAH ITU FAEDAH HILANGUPAYA

1. Faedah Hilangupaya adalah faedah yang dibayar kepada anggota tentera yang mendapat kecederaan kekal semasa di dalam perkhidmatan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - a. HU itu diperkaitkan dengan tugas.
 - b. HU diperakui oleh Lembaga Perubatan dan LPS.
 - c. Faedah ini terhenti apabila penerima meninggal dunia.
 - d. Faedah ini berasaskan kepada peratus HU yang ditentukan oleh LPS.

JENIS-JENIS FAEDAH HILANGUPAYA

1. Faedah yang dibayar bawah Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982.
2. Faedah yang dibayar bawah DTAPPN yang berkuatkuasa mulai 5 Okt 1984.
3. Faedah yang dibayar bawah PMAT 9/2008 Ex-Gratia Bencana Kerja Perkhidmatan ATM yang berkuatkuasa mulai 1 Jan 2001.

Anggota yang mengalami HU layak menerima ketiga-tiga faedah di atas tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan.



FAEDAH HILANGUPAYA BAWAH PPAT 82

1. Faedah ini hanya dibayar setelah anggota berhenti atau bersara dari perkhidmatan.
2. Faedah ini berasaskan kepada pangkat serta gaji hakiki semasa kejadian.
3. Jika darjah HU 19% dan ke bawah, hanya dibayar Ganjaran Hilangupaya. Kadar bayaran pula adalah berdasarkan kepada Susunan 4 kepada PPAT 82.
4. Jika darjah HU 20% dan ke atas, akan dibayar Pencen Hilangupaya. Kadar bayaran adalah berdasarkan Susunan 2 atau Susunan 2A kepada PPAT 82; mana yang lebih menguntungkan.
5. Sekiranya darjah HU 100%, anggota tersebut juga boleh dibayar ELS* sebanyak RM440.00 sebulan tertakluk kepada kelulusan MAT.

FAEDAH DTAPPN

1. Faedah ini berkuatkuasa mulai 1 Jan 2011.
2. Faedah ini dibayar oleh ARB sebagai saguhati kepada anggota yang mengalami HU kekal semasa tugas aktif iaitu tugas operasi atau latihan.
3. Kadar bayaran adalah seperti berikut :
 - a. RM750.00 - bagi anggota yang mengalami cedera ringan yang mengakibatkan HU kekal tetapi masih boleh berkhidmat.
 - b. RM8000.00 - bagi anggota yang mengalami cedera parah.



- b. RM10,500.00 - bagi anggota yang mengalami cedera parah yang mengakibatkan HU kekal tetapi masih boleh berkhidmat.
- c. RM15,000.00 - bagi anggota yang mengalami cedera parah yang mengakibatkan HU kekal dan terpaksa diberhentikan daripada perkhidmatan.
- d. RM30,000.00 – bagi anggota yang mengalami cedera parah yang mengakibatkan kehilangan pandangan kedua belah mata, kudung dua belah kaki atau lumpuh dari paras pinggang ke bawah.

FAEDAH EX-GRATIA BENCANA KERJA PMAT 9/2008

1. Faedah ini berkuatkuasa mulai 1 Jan 2001.
2. Faedah ini dibayar semasa anggota masih lagi berkhidmat dan berterusan walaupun telah berhenti/bersara.
3. Faedah Ex-Gratia Bencana Kerja ini hanya dibayar setelah mendapat pengesahan darjah HU daripada LPS.
4. Faedah ini berasaskan kepada gaji hakiki dan imbuhan Tetap semasa mendapat kecederaan.
5. Jika darjah HU 20% dan ke bawah, hanya akan dibayar EXP.
6. Jika darjah HU melebihi 20%, akan dibayar EXP dan EXB. Sekiranya darjah HU 100%, anggota juga boleh dibayar ELS* sebanyak maksimum RM500.00 sebulan.



7. Formula bayaran seperti berikut :

Tahap Kecederaan	Bayaran	Formula	Penjelasan
HU 20% atau kurang	EXP	$a \times b \times c \times 0.8$	$a = \frac{[(\text{gaji} + \text{elaun}^1)^2]}{30} \times 0.9$ Nota : 1 - elaun tetap yang bukan merupakan bayaran balik 2 - tertakluk kepada maksimum RM2,000 sebulan. b - % HU. c - nilai aktuari semasa (seperti dalam PMAT 9/2008).
HU melebihi 20%	EXP	$a \times b \times c \times 0.2 \times 0.8$	
	EXB	$[(a \times b) - (a \times b \times 0.2)] \times 30 \times 0.8$	
	ELS* (HU - 100%)	(EXB x 0.4) maksimum RM500 sebulan	

Nota :

* *Perkiraan ELS yang mana lebih menguntungkan di antara PPAT 82 dan PMAT 9/2008.*

ELAUN DALAM MASA RAWATAN

1. Sekiranya penerima Pencen Hilangupaya dikehendaki membuat rawatan atau memerlukan rawatan di atas hilangupayanya di institusi perubatan yang diluluskan, beliau layak dibayar elaun perjalanan, elaun sara hidup dan elaun penginapan mengikut kadar semasa.

2. Tuntutan hendaklah dibuat melalui Bahagian Pencen, JHEV (Unit Perubatan) dengan menyertakan bukti-bukti perbelanjaan yang sah.



TINDAKAN SEKIRANYA BERLAKU KECEDERAAN

1. Anggota hendaklah membuat pemeriksaan kesihatan di RSAT/PPAT atau hospital yang berhampiran.
2. Sekiranya anggota mengalami HU Kekal, satu Lembaga Perubatan perlu diadakan.
3. LPS akan bersidang bagi memperakui peratus HU dan samada kecederaan tersebut diperkaitkan dengan tugas atau tidak.
4. JRP akan memproses kelulusan bayaran dan pembayaran akan dilaksanakan oleh JHEV.





FAEDAH KEMATIAN



APAKAH ITU FAEDAH KEMATIAN

Faedah Kematian adalah faedah yang dibayar kepada **orang tanggungan** seseorang anggota tentera yang meninggal dunia semasa di dalam perkhidmatan.

SIAPAKAH ORANG TANGGUNGAN

Orang Tanggungan adalah :

1. Balu atau duda yang sah – perkahwinan diiktiraf mengikut undang-undang di Malaysia.
2. Anak – sehingga berumur 21 tahun atau sehingga mendapat ijazah pertama; atau berkahwin. Jika anak itu cacat fizikal atau otak; layak seumur hidup.
3. Ibu atau bapa tidak kira berapa umurnya yang memerlukan wang*.

* *Status kewangan ibu atau bapa akan ditentukan melalui laporan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat/Pegawai Memerintah.*

KATEGORI KEMATIAN

Kematian di dalam perkhidmatan dibahagikan kepada dua keadaan iaitu:

1. Kematian **DIPERKAITKAN** dengan tugas.
2. Kematian yang **TIDAK DIPERKAITKAN** dengan tugas.

Kategori kematian ini ditentukan oleh LPS.



KEMATIAN YANG DIPERKAITKAN DENGAN TUGAS

1. Contoh Kategori kematian yang boleh **diperkaitkan** dengan tugas adalah seperti berikut :

- a. Akibat melaksanakan tugas operasi, tugas rasmi atau latihan.
- b. Akibat kemalangan semasa pergi atau balik dari tempat bertugas/kerja – melalui jalan yang lazim.
- c. Akibat penyakit yang berpunca dari tugas rutin yang dilaksanakan di tempat kerja.

2. Faedah-faedah yang dibayar bagi kematian yang **diperkaitkan** dengan tugas :

- a. Pencen Terbitan dan Ganjaran Terbitan (*formula perkiraan adalah sama dengan Pencen Perkhidmatan dan Ganjaran Perkhidmatan*) serta Pencen Orang Tanggungan Susunan 8 PPAT 82; **atau** Pencen Orang Tanggungan dan Ganjaran Orang Tanggungan Susunan 6 dan 7 atau Susunan 9 dan 10 PPAT 82.

****yang mana lebih menguntungkan***

- b. EXOT bawah PMAT 9/2008 berkuatkuasa mulai 1 Jan 2001. Formula bayaran seperti berikut :

Formula	Penjelasan
$EXOT = \frac{a}{30} \times 30 \times 0.8$	$a = \left[\frac{(\text{gaji} + \text{elaun}^1)^2}{30} \right] \times 0.9$ <p>Nota :</p> <ol style="list-style-type: none">1 - elaun tetap yang bukan merupakan bayaran balik2 - tertakluk kepada maksimum RM2,000 sebulan.



- c. FGCR (jika berhak).
- d. Bayaran Ex-Gratia *Air Crash* (bagi kemalangan udara sahaja). Kadarnya adalah sebanyak 36 bulan gaji pokok.
- e. Bayaran suguhati DTAPPN oleh ARB bagi kematian anggota disebabkan tugas Operasi/Latihan. Kadar bayaran adalah sebanyak RM22,000.00.
- f. Elaun Pelajaran (jika layak).
- g. Caruman sendiri serta dividen dari LTAT.
- h. Insuran Kelompok (jika mencarum).

KEMATIAN YANG TIDAK DIPERKAITKAN DENGAN TUGAS

1. Contoh kategori kematian yang **tidak diperkaitkan** dengan tugas adalah seperti berikut :
 - a. Akibat kemalangan semasa bercuti/tidak bertugas.
 - b. Sebab penyakit biasa.
2. Faedah bagi kematian yang **TIDAK** diperkaitkan dengan tugas adalah seperti berikut :
 - a. Pencen Terbitan dan Ganjaran Terbitan (*formula perkiraan adalah sama dengan Pencen Perkhidmatan dan Ganjaran Perkhidmatan; **atau** Pencen Orang Tanggungan dan Ganjaran Orang Tanggungan Susunan 6 dan 7 PPAT 82. ***yang mana lebih menguntungkan***
 - b. FGCR (jika berhak).
 - c. Caruman sendiri di LTAT bersama dividen yang dibayar setiap tahun.
 - d. Insuran Kelompok (jika mencarum).



TIDAK LAYAK MENDAPAT FAEDAH KEMATIAN

Kematian yang berlaku semasa **THTC** atau **TINGGAL TUGAS** adalah **TIDAK LAYAK** mendapat apa-apa faedah kematian **KECUALI** caruman sendiri dan kerajaan dari LTAT.

TANGGUNGJAWAB PASUKAN DALAM URUSAN DOKUMENTASI KEMATIAN (DALAM PERKHIDMATAN)

Pasukan bertanggungjawab melaksanakan urusan dokumentasi kematian anggota yang meninggal dunia dan majukan ke JRP dokumen-dokumen seperti berikut:

1. Isytihar ke dalam PERBAH Dua kes kematian, pengkebumian dan tuntutan mayat.
2. Laporan Bedah Siasat atau Laporan Perubatan (Jika tiada, Pegawai Memerintah/Pemerintah perlu memberi pengesahan).
3. Laporan Polis.
4. Dokumen-dokumen persendirian.
5. Salinan surat ucapan takziah.
6. Senarai harta yang dipulangkan kepada waris (*Next of Kin*).
7. Sijil Hutang-Piutang (*Non-Liability Of Indebtness*).



8. Mendapatkan dokumen-dokumen berikut daripada orang tanggungan :

- a. Salinan Kad Pengenalan orang tanggungan.
- b. Salinan Sijil Kematian anggota.
- c. Salinan Kad Pengenalan atau Sijil Kelahiran anak-anak.
- d. Salinan Sijil Kahwin / Surat Cerai (jika telah bercerai).
- e. Surat pengesahan penjagaan anak dari Pesuruhjaya Sumpah, Mahkamah atau Pejabat Kadhi (jika telah bercerai atau anak dijaga oleh orang lain).
- f. Borang JPA/PEN/SPB1 atau BP.BQ.Q3 yang telah disahkan oleh Pegawai Bank.
- g. Salinan Buku Akaun Bank.

Dokumen Perubatan (BAT F 4) dan kandungannya hendaklah dimajukan terus ke BPK untuk pengesahan LPS.



KELAYAKAN PENCEN TERBITAN

Sekiranya pegawai atau anggota LLP yang sedang menerima pencen perkhidmatan meninggal dunia, orang tanggungannya boleh dibayar Pencen Terbitan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Balu/duda itu telah dikahwini semasa dalam perkhidmatan. Jika balu/duda itu berkahwin semasa bersara, pencen terbitan tersebut hanya dibayar untuk tempoh 20 tahun daripada tarikh bersara (MAT 516 bth 28 Jun 2012).
2. Anak hasil perkahwinan semasa dalam perkhidmatan yang berumur bawah 21 tahun dan masih belum berkahwin.
3. Anak yang berumur lebih 21 tahun tetapi masih belajar secara berterusan sehingga ijazah pertama dan belum berkahwin.
4. Anak cacat tidak kira berapa umurnya.
5. Orang tanggungan perlu memajukan semua dokumen berkaitan ke Bahagian Pencen. JHEV iaitu perkara-perkara di **perenggan 8 di muka surat 23**.

PEMBERHENTIAN BAYARAN PENCEN TERBITAN DAN PENCEN ORANG TANGGUNGAN

1. Anak, apabila berumur 21 tahun atau berkahwin.
2. Anak yang berumur lebih 21 tahun tetapi masih belajar secara berterusan akan terhenti setelah mendapat ijazah pertama atau berkahwin.



The background is a collage of various military and national symbols. On the left, a large red flag is partially visible. In the center, a green tank is prominent. To the right, a white aircraft carrier is shown. At the bottom, a group of soldiers in uniform is marching. The overall theme is military and national pride.

ELAUN PELAJARAN



SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut :

1. Penerima Pencen HU di bawah Susunan 2 kepada PPAT 82.
2. Penerima Pencen Orang Tanggungan bawah Susunan 6 atau 9.
3. Maksimum 6 orang anak sahaja.
4. Anak telah mencapai umur 6 tahun.
5. Kadar tidak lebih RM685.00 setahun bagi mana-mana anak.
6. Keadaan keluarganya memerlukan.

KADAR ELAUN PELAJARAN


Kadar elaun pelajaran yang dibayar untuk tempoh setahun adalah seperti berikut :

1. Tadika (6 tahun) – Tahun 3 - RM200.00
2. Tahun 4 – Tahun 6 - RM350.00
3. Tingkatan 1 – Tingkatan 3 - RM500.00
4. Tingkatan 4 – Tingkatan 5 - RM650.00
5. Tingkatan 6 – Ijazah Pertama - RM685.00

MAT boleh mempertimbangkan Elaun Pelajaran lebih tinggi dari kadar di atas sekiranya didapati sesuai dan bergantung kepada kursus pengajian bagi anak yang berumur lebih dari 21 tahun dan sedang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi.



Autograf



**MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
BAHAGIAN PERKHIDMATAN ANGGOTA
JABATAN ARAH REKOD DAN PENCEN
KEMENTERIAN PERTAHANAN
JALAN PADANG TEMBAK
50634 KUALA LUMPUR
TEL : 03-2071 3521 / 4021**